

PANTUN MADIHIN: KAJIAN CIRI, STRUKTUR PEMENTASAN, KREATIVITI PEMADIHINAN, PEMBANGUNAN DAN PEMBINAANNYA DI KALIMANTAN SELATAN

(*Madihin Poem: Study Of Characteristic, Performance Structure, Creativity Players, Design And Development In South Kalimantan*)

M. RAFIEK

rfk012@yahoo.co.id

Universitas Lambung Mangkurat,
Banjarmasin

Abstrak: Pantun madihin sebagai salah satu sastera lisan Banjar di Kalimantan Selatan mempunyai ciri dan struktur pementasan yang khas. Kekhasan itu terlihat dari pantun madihin yang boleh juga menggunakan syair dalam pementasannya. Struktur pementasan madihin meliputi pembukaan, memasang tabi, menguran, dan penutup. Kreativiti pemain madihin dalam membuat pantun madihin dan kemahiran memukul terbang (sejenis rebana) sangat diperlukan. Dalam hal pembangunan dan pembinaan madihin, pemerintah daerah, agensi berkaitan, dan masyarakat termasuk institusi pendidikan dan media televisyen sangat menyokong usaha mempertahankan dan pemuliharaan pantun madihin.

Kata kunci: Pantun madihin, sastera lisan, kreativiti, pemuliharaan,

Abstract: Madihin poem as one of the Banjar oral literatures in South Kalimantan has specific characteristics and structure. The specificity is seen of the Madihin poem which may also be used as the poetry in stage plays. The Madihin play structure includes the opening, installing tabi, menguran, and closing. The creativity of the madihin players in creating the rhymes and skills in hitting the fly (a type of tambourine) are required. In designing and developing Madihin, the local governments, agencies, and public educational institutions and television media strongly support the retention and preservation efforts of madihin poems.

Keywords: Pantun madihin, oral literature, creativity, preservation

PENGENALAN

Dalam kebudayaan masyarakat lama dikenali beberapa bentuk sastera lisan, antaranya ialah peribahasa, soalan tradisional, syair, pantun, dan prosa. Bentuk-bentuk kesusasteraan itu dibuat oleh masyarakat untuk memenuhi keperluan hidupnya, iaitu sebagai alat untuk mengekspresikan fikiran dan perasaan serta sebagai alat menyampaikan petua dan pendidikan. Indonesia sebagai salah satu wilayah penting untuk kajian sastera lisan (Thompson 1979: 283-284). Pendapat ini diungkapkan Thompson bukan sekadar hanya berdasar pada banyaknya sastra lisan yang hidup dalam masyarakat, tetapi juga berdasarkan banyaknya persamaan yang dekat dengan sastera lisan dari luar Indonesia. Menurut Toelken (1979: 32), sastera lisan adalah sebahagian daripada sastera lisan milik bersama masyarakat, muncul dan berkembang di suatu tempat tertentu dan diturunkan secara informal. Sifatnya yang lisan, *komunal*, dan informal mengakibatkan keaslian sastra lisan sukar untuk dapat dipertahankan dalam jangka masa yang lama. Perubahan masa dan penyebarannya pun semakin luas.

Masyarakat Banjar merupakan salah satu kelompok masyarakat yang mempunyai bentuk sastera lisan baik genre prosa mahupun puisi. Sastera lisan di Kalimantan Selatan antara lain pantun, madihin, mantra, baandi-andi, ungkapan, syair balamut, syair dundam, pantun rangkap lagu mamanda, dan lain-lain. Kewujudan sastera lisan merupakan fenomena budaya yang bersifat universal. Keuniversalan itu terbentuk sebagai tanggapan dan hasil pemikiran sistem kemasyarakatan. Dulu orang tua dan anak muda sentiasa menggunakan sastera lisan itu untuk pelbagai situasi. Akan tetapi kenyataannya sekarang semua itu jarang ditemui lagi. Perkembangan sastera lisan sekarang sebagaimana dikatakan Sastrowardoyo et al. (1983:5) tidak sepesat dahulu. Hal itu kerana longgarnya ikatan tradisi masyarakat dan sikap ketidakpedulian masyarakat terutama generasi muda sekarang dalam penggunaan sastera lisan itu dalam kehidupan sehari-hari.

Mahmud et al. (2000:1) bahkan menambah bahawa ketidakpedulian itu berkaitan dengan minimnya pengetahuan masyarakat tentang fungsi dan peranan sastra lisan dalam masyarakatnya. Kenyataan lain, disebabkan oleh kurangnya sastra lisan yang telah didokumentasi dan dicetak. Sastra lisan Banjar khususnya pantun madihin yang belum dihimpun dan disusun menjadi dokumen lengkap dikhuatiri lambat laun akan punah. Oleh kerana itu, sastra lisan Banjar pantun madihin harus segera diinventarisasi, diteliti, dan dianalisis serta dibukukan agar dapat digunakan sebagai salah satu pengetahuan tentang sastra daerah Banjar.

Dalam kajian ini, penyelidik cuba mengangkat pantun madihin sebagai salah satu ragam sastera lisan Banjar dan muatan tempatan di Kalimantan Selatan. Ragam sastera lisan ini semula sebagai hiburan pelepas lelah selesai tuai, sebagai hiburan di malam hari selepas majlis perkahwinan. Kini, madihin juga dipergelarkan pada saat hari besar nasional. Pergelaran madihin ini menggunakan pantun madihin yang dibawakan oleh pamadihinan dengan pakaian adat Banjar sambil memukul terbang (sejenis rebana) yang sering mengundang tawa dan decak kagum penontonnya kerana bahasa pantunnya yang mengandungi humor. Sebelum berbicara lebih banyak tentang pantun madihin, alangkah baiknya terlebih dahulu dijelaskan mengenai sastera lisan. Sastra lisan atau sastra daerah lisan adalah sastera yang pada mulanya disebar atau disampaikan dari mulut ke mulut. Tradisi lisan dikatakan sebagai sastra daerah kerana menggunakan bahasa daerah. Sastra lisan adalah jenis karya sastera yang dituturkan dari mulut ke mulut, tersebar secara lisan, tanpa nama, dan menggambarkan kehidupan masyarakat pada masa lampau (Shipley 1962:193). Jenis sastera lisan itu sendiri meliputi (1) bahasa rakyat, seperti loghat, sindiran, bahasa rahsia, dan mantra, (2) ungkapan tradisional seperti peribahasa, pepatah, dan seloka, (3) soalan tradisional seperti teka-teki dan wangsalan, (4) puisi rakyat, seperti pantun, syair, dan gurindam, (5) cerita prosa rakyat seperti mite, legenda, dongeng, fabel, dan cerita jenaka, (6) nyanyian rakyat (Danandjaja 1984:21-153).

Sastra lisan, menurut Zaidan et al. (2000: 182), adalah ungkapan dari mulut ke mulut, hasil kebudayaan lisan dalam masyarakat tradisional yang isinya dapat disejajarkan dengan sastra tulis dalam masyarakat moden. Dengan kata lain, sastera yang diwariskan secara lisan seperti pantun, nyanyian rakyat, dan cerita rakyat. Sastra lisan menurut mereka disebut juga sastera rakyat. Madihin, menurut Zaidan et al. (2000: 123-124), adalah pembacaan puisi atau prosa dalam bahasa Banjar atau bahasa Indonesia dengan loghat Banjar diiringi pukulan rebana. Puisi yang dibacakan biasanya diciptakan spontan dan bertema humor, pembangunan, kemasyarakatan, kempen, nasihat. Contohnya:

Aaa ... aaaa ... aaa ... wan
 Sadang mulai sadang bajalan
 Napanglah hari si landung malam
 Bintang lawan bulan si gamarlapan
 Mamandang hari si landung malam.

Madihin adalah pembacaan pantun yang dibacakan secara spontan oleh seorang pamadihinan di dalam bahasa Banjar yang disertai iringan rebana (Yusuf 1995:168). Disebut pantun kerana terdiri daripada bait-bait pantun yang teratur dan berima a/b/a/b atau a/a/a/a. Rebana yang dimaksudkan di Banjar disebut dengan tarbang. Tarbang adalah sejenis alat muzik seperti rebana tetapi mempunyai rongga yang agak panjang sedikit berbanding rebana biasa.

MADIHIN: ASAL-USUL DAN PERKEMBANGANNYA

Seorang seniman Tembilahan, ibu kota kabupaten Indragiri Hilir Riau, Indra Maulana mengakui seni tradisional suku Banjar seperti mamanda, kuda gepang, balamut, dan madihin cukup berkembang didaerahnya. Berkembangnya kesenian asal Banjar itu disebabkan hampir 60 peratus penduduk tempatan adalah berasal dari suku Banjar. Kesenian Banjar berlangsung di Tembilahan kerana di anggap lebih menarik dan spesifik berbanding kesenian lain dikawasan tersebut. Ia mencontohkan seni tutur madihin, sekarang ini selalu digunakan untuk menghibur undangan pada pesta perkahwinan atau peringatan hari-hari besar atau untuk hiburan saat panen dan acara kenduri lain (Ant / D, 2000: 4).

Jhon Tralala atau Yusran Effendi menilai seni tutur khas suku berupa pantun madihin kini di ambang kehancuran menyusul kian maraknya seni moden yang melanda kehidupan generasi muda sekarang ini. Ia telah mengembangkan madihin yang lebih dinamik berbeza dengan madihin era 40-an dan 50-an kerana memasukkan unsur humor yang lebih dominan (Ant / Si, 2000:4). Ismail (2000:1) menyatakan bahawa madihin ada semenjak akhir abad ke-18 dan memasuki abad ke-19, pada saat Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari pulang ke benua Banjar dari menuntut ilmu di tanah suci. Sejak itu pula berkembang seni madihin yang bernapaskan nilai-nilai agama. Lebih banyak dijelaskan bahawa Haji Anang Abdullah ketika masih hidup, termasuk salah seorang penggemar seni pantun, syair, madihin, dan seni mamanda. Berdasarkan keterangan Haji Anang itu bahawa seni madihin tidak boleh terlepas daripada seni syair. Menurutnya, pamadihinan (pemain madihin) salah satunya menyampaikan tema yang mengandungi mesej tentang meningkatkan pendidikan disegala bidang. Madihin merupakan hiburan bagi seluruh masyarakat baik kaum bawah, menengah, mahupun elit. Kesenian madihin ini sudah semakin langka baik pamadihinannya, syair atau pantunnya, mahupun alat terbangnya.

Ada yang berpendapat bahawa madihin berasal dari kata madah, sejenis puisi lama dalam sastra Indonesia, kerana ia dinyanyikan dalam bentuk syair-syair yang berasal daripada kalimat akhir bersamaan bunyi. Madah juga boleh diertikan sebagai kata-kata pujian (bahasa Arab). Hal ini dapat dilihat dari kalimat-kalimat dalam bait-bait madihin yang kadangkala berupa puji-pujian. Pendapat lain mengatakan bahawa kata madihin berasal dari bahasa Banjar, iaitu papadahan atau

mamadahi (bahasa Indonesia: memberi nasihat). Pendapat ini juga dibenarkan, kerana isi dari syair atau pantun yang dinyanyikan oleh pemainnya adalah berupa nasihat-nasihat.

Ada yang berpendapat bahawa madihin berasal daripada masyarakat kampung Tawia, kecamatan Angkinang, kabupaten Hulu Sungai Selatan,, Kalimantan Selatan. Dari kampung Tawia inilah madihin kemudian tersebar ke seluruh Kalimantan Selatan, bahkan ke Kalimantan Timur. Pemain madihin yang tersebar di mana-mana pada umumnya berasal dari Kampung Tawia. Salah satu pamadihinan (pemain madihin) yang terkenal dari Tawia bernama Dulah Nyanyang (Dulah Nyangnyang).

Ada juga sebahagian pendapat yang mengatakan madihin itu berasal dari utara Kalimantan yang bersempadan dengan negara Malaysia. Hal ini kerana madihin katanya dipengaruhi oleh syair dan gendang tradisional dari Melaka, iaitu bentuk gendang yang dimainkan dan syair yang dinyanyikan dalam madihin ada persamaan dengan gendang yang digunakan oleh orang-orang Melaka dalam mengiringi irama tradisional Melayu asli. Kalau ada pendapat yang menyatakan bahawa madihin berasal dari kecamatan Paringin, Kabupaten Hulu Sungai Utara, Kalimantan Selatan boleh juga dibenarkan. Sebab dahulu Dulah Nyanyang (Dulah Nyangnyang) lama bermukim di Paringin dan mengembangkan madihin di sana. Jadi, madihin diperkenalkan pertama kali oleh siapa, di daerah mana madihin pertama kali ditemui dan diperkenalkan serta dikembangkan, belum diketahui orang secara jelas sampai sekarang. Cuma yang jelas madihin berbahasa Banjar pada mulanya, yang bermakna pamadihinan pertamanya ialah orang Banjar dan orang Banjar sejak dahulu mendiami wilayah Kalimantan Selatan. Dianggarkan madihin telah ada setelah Islam menyebarkan di kawasan Kalimantan, iaitu sekitar tahun 1800. Lahirnya dipengaruhi oleh qasidah, menyusul syair-syair bercerita yang dibaca oleh masyarakat Banjar.

Pada waktu dahulu, fungsi utama madihin adalah untuk menghibur raja atau pegawai istana, isi syair dan pantun yang dibawakan atau dinyanyikan mengandungi puji-pujian kepada sang raja dan pegawai istana lain. Hal ini selaras dengan pendapat yang menyatakan bahawa asal kata madihin, iaitu daripada kata madah (kata-kata pujian). Selanjutnya, madihin kini berfungsi sebagai hiburan masyarakat di waktu-waktu tertentu. Misalnya, suapan hiburan setelah panen, kesenian dalam rangka memeriahkan acara pengantin, dan memeriahkan peringatan hari besar nasional. Kalau kita membaca dan menelaah secara saksama buku *Suluh Sejarah Kalimantan* karangan Bondan (1953), tidak akan kita dapati maklumat tentang madihin. Yang ada ialah genre teater tradisional seperti mamanda, wayang gung, Abdul Muluk Cabang, kuda gipang Cerita, Damarrulan, Tantayungan, wayang kulit. Teater tutur seperti Lamut, Andi-Andi, Tutur Candi, Dundam, dan Bakisah. Pantun Banjar berbeza dengan pantun madihin kerana pantun Banjar terikat aturan seperti pantun Melayu, sedangkan pantun madihin tidak. Sekarang, madihin selain sebagai sarana hiburan masyarakat juga dipaparkan dalam acara sambutan tetamu, pembukaan acara, perkahwinan, acara kesenian, dan acara hari besar nasional.

PERNYATAAN MASALAH

Tidak adanya kajian yang mendalam tentang ciri dan struktur pementasan madihin serta pembangunan dan pembinaan pamadihinan di Kalimantan Selatan menjadi alasan mengapa kajian ini penting untuk dilaksanakan. Selama ini, kajian terhadap madihin hanya bersifat struktural dan tradisi lisan. Struktur pantun madihin yang pernah dikaji lebih banyak merujuk pada struktur pantun. Madihin pernah dikaji dari strukturnya oleh Kawi, Jarkasi dan Kusasi (1994) dan dari segi humornya oleh Ghany (1999). Kawi, Jarkasi dan Kusasi (1994: 25-38) mendapati ada 6 fungsi sastera lisan madihin, iaitu (1) fungsi hiburan, (2) fungsi pendidikan, (3) fungsi kritik sosial, (4) fungsi media pembangunan, (5) fungsi media sponsor, dan (6) fungsi persatuan. Selain itu, mereka juga mencari struktur penyajian sastra lisan madihin yang terdiri atas pembukaan atau perkenalan, penyampaian isi, dan penutup. Penemuan lain daripada kajian mereka adalah 5 unsur sastera

dalam sastra lisan madihin, iaitu citra, metafora, mitos, simbol, dan irama. Ghany (1999) dalam artikelnya di tabloid *Wanyi* menyoroti aspek humor dalam seni madihin.

Ghany yang merupakan nama pena Dr. M. Rafiek, M. Pd. tersebut juga menjelaskan bagaimanakah seorang pamadihinan memproses katanya dalam membuat pantun humor. Pantun humor yang disoroti oleh Ghany merangkumi pemilihan kata bahasa Banjar atau bahasa Indonesia yang dibanjarkan yang unik dan menarik serta mempunyai makna yang lucu. Kajian ini jelas sangat berbeza dengan dua kajian terdahulu. Dua kajian sebelum ini hanya mengkaji struktur dan fungsinya serta dari segi humornya, sedangkan kajian ini dari segi ciri, struktur pementasan, kreativiti pemain madihin, dan pembangunan dan pembinaan madihin. Dalam kaitannya dengan kajian pantun, Fatimah (2009) membincangkan tentang *Pantun sebagai Perakam Norma: Kajian Awal terhadap Perkahwinan dan Keluarga Melayu*. Dalam kajiannya itu, Fatimah mencari adanya hubungan kedua-dua belah keluarga, berbudi pekerti, menghormati suami, isteri bertanggung jawab terhadap suami, perbezaan umur, berkahwin supaya berkekalan dan hidup dalam aman damai, perceraian adalah suatu penderitaan, halangan sosial, peranan anak dalam hubungan suami-isteri, anak harus tidak boleh membantah kata orang tua, membalas budi orang tua, kesan daripada perceraian, fungsi keluarga dan peranan ibu-bapa, hubungan kekeluargaan, kedudukan dan peranan orang tua, pelanggaran norma dalam perkahwinan dan memilih jodoh, dan perlakuan orang yang melanggar norma dalam pantun Melayu.

Kajian pantun madihin ini sangat berbeza dengan kajian Fatimah dari segi soalan kajian. Kalau Fatimah Abdullah memfokuskan kajian pada norma yang berlaku pada pantun Melayu, sedangkan kajian ini memfokuskan kajian pada ciri, struktur pementasan pantun madihin, kreativiti pemain madihin, dan pembangunan dan pembinaan madihin. Kajian lain yang berkaitan dengan pantun juga pernah dilakukan oleh Shaiful Bahri, Hanapi, Solehah, Mohamad Rodzi dan Mohamed Fadzeli (2004) yang mengkaji *Pengaruh Melayu dalam Pantun Mah Meri*. Dalam kajian mereka itu berjaya ditemui Mah Meri dan tradisi berpantun, asal-usul pantun Mah Meri, dan pengaruh Melayu dalam pantun Mah Meri. Kajian ini pun sangat berbeza dengan kajian tentang pantun madihin ini yang sama sekali tidak membincangkan masalah pengaruh Melayu pada pantun madihin. Wiana (2010) meneliti *Analisis Tema pada Pantun Melayu: Suatu Kajian Fungsional Linguistik*. Dalam kajiannya tersebut, Vienna berjaya menemukan adanya tema pada pantun percintaan, jenaka, dan kias Melayu yang berjenis tema tekstual, tema interpersonal, dan tema topikal. Kajian Wiana tersebut jelas sangat berbeza dengan kajian ini yang mengkhususkan diri pada pantun madihin. Selain itu terdapat pula penelitian tentang pantun yang dilakukan oleh Normaliza, Arbaie, Nik Rafidah dan Siti Nur Aliaa (2012). Dalam kajiannya, mereka menemukan quatrain Melayu dengan nilai kasih sayang atau cinta kasih. Mereka juga menemukan nilai hormat dalam quatrain Melayu. Kajian tersebut jelas sangat berbeza dengan kajian ini yang lebih fokus pada ciri, struktur pementasan, kreativiti pengarang, dan pembangunan dan pembinaan madihin di Kalimantan Selatan.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendeskripsikan dan menjelaskan tentang ciri dan struktur pementasan madihin, kreativiti pemain madihin, dan strategi pembangunan dan pembinaan madihin di Kalimantan Selatan. Secara khusus, kajian ini untuk mendeskripsikan dan menjelaskan:

1. Bagaimanakah ciri pantun madihin?
2. Bagaimanakah struktur pementasan madihin?
3. Bagaimanakah kreativiti pemain madihin?
4. Bagaimanakah pembangunan dan pembinaan madihin di Kalimantan Selatan?

METODOLOGI

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah deskriptif. Kajian ini dilakukan seobjektif mungkin dengan berdasarkan fakta meskipun bahan yang diolah itu dipilih daripada semua data yang terkumpul sesuai dengan tujuan penelitian, iaitu memperoleh gambaran lengkap dan menyeluruh tentang sastra lisan Banjar khususnya pantun madihin. Kajian itu tidak hanya terbatas pada tahap pengumpulan data saja, tetapi juga dianalisis dan ditafsir. Penggunaan kajian deskriptif ini sangat sesuai dengan anjuran Ary, Jacobs, dan Razavieh (1985: 322) yang menyatakan bahwa kajian penyelidikan deskriptif dibuat untuk mendapatkan informasi mengenai fenomena keadaan sekarang.

Kaedah deskriptif ini didukung oleh catatan-catatan lapangan deskriptif (Bogdan & Biklen 1998: 121). Catatan-catatan lapangan yang bersifat deskriptif meliputi lukisan subjek, rekonstruksi dialog, deskripsi setting fisik, laporan atau catatan peristiwa-peristiwa khusus, lukisan aktiviti, dan perilaku pengamat (Bogdan & Biklen 1998: 122). Catatan-catatan lapangan itu kemudian direfleksikan dan diklarifikasi. Setelah itu, dapatan kajian dideskripsikan dibincangkan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Ciri-ciri pantun madihin sama dengan pantun Melayu, iaitu (a) terdiri atas empat baris, (b) tiap baris terdiri atas 8 sampai 10 suku kata, (c) dua baris pertama disebut sampiran dan dua baris berikutnya mengandung maksud si pemantun yang disebut isi pantun, dan (d) pantun mementingkan rima akhir dan rumus rimanya abab (Badudu 1984: 11). Dalam bahasa Melayu, pantun berarti quatrain, yaitu sajak yang berbaris empat dengan sanjak abab (Liaw Yock Fang 1993: 195). Tekanan bunyi selalu pada suku pertama perkataan yang kedua dan yang keempat. Sebuah pantun dipandang bagus kalau beberapa suku pada baris yang ketiga sama bunyinya dengan beberapa suku pada baris yang pertama, yang keempat dengan yang kedua (Usman 1963: 157).

Pantun madihin tidak selalu berpola sama seperti pantun Melayu yang mempunyai pola bunyi persajakan akhir abab. Pantun madihin dapat saja mempunyai bunyi persajakan akhir sama aaaa. Oleh kerana itu, orang sering mengira bahawa pantun madihin sebenarnya adalah syair. Untuk itu perlu ditegaskan di sini tentang perbezaan antara syair dan pantun. Syair membawakan cerita atau lakon kerana itu syair mempunyai alur yang tegas serta jelas pula tokoh-tokoh lakonnya. Pantun tidak membawakan lakon seperti syair, kerana itu tokohnya pun tidak ada. Demikian juga halnya dengan pantun madihin yang tidak ada tokohnya walaupun ada itu muncul secara spontan dan sama sekali tidak membentuk alur. Syair madihin memiliki ciri-ciri seperti syair Melayu, iaitu (a) terdiri atas empat baris, (b) tiap baris terdiri atas 8 sampai 10 suku kata, (c) tak terbagi atas sampiran dan isi, tetapi semuanya merupakan isi, (d) umumnya beruntun kerana dipakai melukiskan cerita, dan (e) rima akhirnya aaaa (Badudu 1984: 15-16). Teeuw (Liaw Yock Fang 1993: 201) menyatakan bahawa ciri-ciri syair itu antara lain (a) terdiri atas empat baris, (b) setiap baris mengandung empat kata yang sekurang-kurangnya terdiri atas sembilan sampai dua belas suku kata, (c) bedanya dengan pantun ialah keempat baris dalam syair merupakan satu bahagian daripada sebuah puisi yang lebih panjang, (d) syair juga tidak mempunyai unsur-unsur sindiran di dalamnya, dan (e) aturan sanjak akhir ialah aaaa dan sanjak dalam hampir-hampir tidak ada.

STRUKTUR PEMENTASAN PANTUN MADIHIN

Menurut Thabah (1999), dalam penyampaian pantun madihin sudah ada struktur penyampaiannya yang sudah baku, iaitu terdiri atas empat langkah.

1. Pembukaan iaitu dengan melagukan sampiran sebuah pantun yang bermula pukulan terbang yang disebut pukulan membuka. Sampiran pantun ini biasanya akan memberikan maklumat tema apa yang akan dibawakan dalam penyampaian pantun madihin.
2. Memasang *tabi*, iaitu membawakan syair-syair atau pantun yang isi kandungannya menghormati penonton, dan memohon maaf jika terdapat kekeliruan dalam penyampaian.
3. Menyampaikan isi (*manguran*) iaitu menyampaikan syair-syair atau pantun yang selalu selaras dengan tema penyampaian atau sesuai dengan permintaan pihak penganjur. Sebelum sampiran pantun dipembukaan harus disampaikan isi kandungannya terlebih dahulu (*mamacah bunga*).
4. Penutup iaitu menyampaikan kesimpulan dari apa yang baru saja di sampaikan sambil menghormati penonton, dan mohon pamit, serta ditutup dengan pantun-pantun serta lagu-lagu. Tetapi pada kenyataannya ada juga yang membahagikan struktur penyajian pantun madihin itu atas tiga sahaja, iaitu (a) pembukaan yang terdiri atas membawakan hadiyen dan memasang *tabi*, (b) penyampaian isi atau menguran, dan (c) penutup.

Pembukaan di atas terdiri atas dua bahagian, iaitu membawakan hadiyen dan memasang *tabi*. Kedua-dua bahagian itu mempunyai cirinya tersendiri. Membawakan hadiyen, maksudnya pamadihinan mulai mengucapkan kata-kata pembuka. Pantun-pantunnya pun disebut pantun pembuka. Selain itu, pada bahagian ini pamadihinan juga berkesempatan mengucapkan kata-kata selamat datang kepada para penonton yang sudah berkumpul di tempat persembahan. Sesudah mengucapkan pantun pembuka atau pantun hadiyen, lalu dilanjutkan dengan pantun selamat datang. Jika pantun selamat datang sudah selesai diucapkan, kemudian dilanjutkan dengan memecahkan hadiyen. Setelah itu, dilanjutkan dengan memasang *tabi*. Mengenai menguran dan penutup kurang lebih sama dengan penjelasan nombor 3 dan 4 di atas. Berikut ini disajikan contoh pantun madihin sebagai bahan ajar muatan tempatan dengan mengambil kira struktur penyampaiannya.

Pembukaan: Asalammualaikum ulun mangawalinya (Asalammualaikum saya mengawalinya)
 Sabagai salam untuk pian samuanya (Sebagai Salam untuk hadirin semuanya)
 Bukanlah ulun pamadihinan asalnya (Bukanlah saya pamadihinan asalnya)
 Mun ulun salah, muhun pian mamakluminya (Kalau saya salah, mohon hadirin memaklumkannya)
 Madihin ulun ini, madihin reformasi (Madihin saya ini, madihin reformasi)
 Amun kada parcaya, silahakan mandangari (Kalau tidak percaya, silakan mendengarkan)
 Kini ulun mambawaakan ulahan sandiri (Kini saya membawakan buatan sendiri)
 Dengan judul babakti lawan kuitan laki. (Dengan judul berbakti dengan orang tua laki)

Mamasang Tabi: Tarima kasih ulun ucapakan (Terima kasih saya ucapkan)
 Atas sambutan sampiyan samuanya (Atas sambutan hadirin semuanya)
 Amun ulun salah, jangan ditatawaakan (Kalau saya salah, jangan ditertawakan)
 Maklumlah ulun hanyar cacobaan (Maklumlah saya baru coba-coba)

Salamat datang hadirin nang tarhormat (Selamat datang hadirin yang terhormat)
 Kuucap salam supaya samua selamat (Kuucap salam supaya semua selamat)
 Tasenyum dulu itu sabagai syarat (Tersenyum dahulu itu sebagai syarat)
 Supaya selamat dunia lawan akhirat (Supaya selamat dunia dan akhirat)

Baik nang sumbing atawa giginya juhing (Baik yang sumbing atau gigi maju ke depan)
 Baik nang langkar atawa nang tagantar (Baik yang cantik atau yang gangguan jiwa)
 Baik nang bujang atawa baranakan (Baik yang bujang atau punya anak)
 Baik nang baingusan atawa baliuran (Baik yang keluar ingus atau keluar liur)

Baik nang takurihing atawa takujihing (Baik yang tersenyum atau tersenyum lebar)
Baik kulit kancang atawa nang janggut panjang (Baik kulit kancang atau yang janggut panjang)

Penyampaian (Manguran) (ayah): Oh anakku si belahan hati (Oh anakku si belahan hati)
Bagaimana kalau abahmu babini lagi (Bagaimana kalau ayahmu beristri lagi)
Apakah ikam akan manyatujui (Apakah kamu akan menyetujui)
Sarta akan mamiliki uma tiri (Serta akan memiliki ibu tiri)

(Anak): Tantu saja, ulun akan mangadili (Tentu saja, saya akan mengadili)
Kajahatan pian sabagai saurang laki (Kejahatan bapak sebagai seorang suami)
Kalau parlu, abah akan kutinggali (Kalau perlu, bapak akan kujauhi)
Karna calon abah ulun ambil bini (Kerana calon abah saya ambil istri)

(Ayah): Oh anakku ikam wani sekali (Oh anakku kamu berani sekali)
Kada takutankah ikam diahirat nanti (Tidak takutkah engkau di akhirat nanti)
Mun aku tahu kalakuan ikam bagini (Kalau aku tahu kelakuan kamu begini)
Sudah dalam parut ikam kucaci maki (Sudah dalam perut kamu kucaci maki)

(Anak): Ya, abahku, pian sarik sekali (Ya, bapakku, bapak marah sekali)
Bukan maksud ulun handak malawani (Bukan maksud saya hendak melawan)
Karna tapaksa ulun manjadi wani (Kerana terpaksa saya menjadi berani)
Muhun dimaapakan dan juga diampuni (Mohon dimaafkan dan juga diampuni)

Aaa wan (Aaa....wan)

(Anak): Oh abahku, pian sangar sekali (Oh bapakku, bapak menakutkan sekali)
Bila badangkak batis pian kaya bataji (Bila duduk kaki bapak seperti bertaji)
Ulun kada wani bila pian manyariki (Saya tidak berani bila bapak memarahi)
Muntung babunyi, batis tangan pun baraksi (Mulut berbunyi), kaki tangan pun beraksi)

(Ayah): Kalau memang zaman sudah baganti (Kalau memang zaman sudah berganti)
Handak rasanya aku babini lagi (Hendak rasanya aku beristri lagi)
Handak nang langkar atawa nang sudah balaki (Hendak yang cantik atau yang sudah (pernah) bersuami)
Cukup pangalamannya, kada usah dilajari (Cukup pengalamannya, tidak usah diajari)

Aaa wan (Aaa...wan)

Penutup: Di satop dahulu ulun bamadihinan (Di stop dahulu saya bermadihinan)
Ngalu kapala bapandir kada karuan (Sakit kepala berbicara tidak keruan)
Handak rasanya ulun mangacak pian (Hendak rasanya saya mencengkram hadirin)
Biar badiam pian batatawaan (biar berdiam hadirin tertawaan)

Tarima kasih ulun haturakan (Terima kasih saya haturkan)
Atas parhatian sampai di pahujungan (Atas perhatian sampai di akhiran)
Cukup sakian ulun mamadahakan (Cukup sekian saya menasihatkan)
Agar jangan salah dalam manarapkan (Agar jangan salah dalam menerapkan)

Aaa ... wan

Sadang bamandak sadang pula batahan (Cukup beristirahat cukup pula berhenti)
Karna ulun sudah kauyuhan (Kerana saya sudah kelelahan)
Limbui bapaluhan, muntung sudah baliuran (Badan penuh peluh, mulut sudah keluar liur)
Kepada hadirin mohon batapuk tangan (Kepada hadirin mohon bertepuk tangan)

Contoh pantun madihin Banjar di atas banyak menyajikan kosa kata bahasa Indonesia yang di Banjarkan. Tujuannya adalah agar para pendengar dari luar suku Banjar dapat mengerti dan memahami makna kata-kata dalam pantun itu. Tujuan lain agar para pelajar dari luar suku Banjar juga mengikuti pelajaran muatan tempatan tentang pantun madihin itu.

KREATIVITI PAMADIHINAN (PEMAIN MADIHIN)

Kreativiti membuat pantun madihin memang tidak mensyaratkan harus berpendidikan tinggi. Tetapi keberanian dan kenekatan dalam menulis itulah yang menjadi modal utama guna mewujudkan generasi pamadihinan Kalsel seterusnya. Sebenarnya memang ada empat macam kemahiran yang harus dimiliki seorang pamadihinan, iaitu:

1. Kemahiran membuat naskah atau mengarang syair atau pantun madihin.
2. Kemahiran menghafal pantun madihin.
3. Kemahiran berlagu atau melagukan pantun madihin.
4. Kemahiran memukul terbang.

Dalam pembelajaran pantun madihin di kelas kalau ingin amalan langsung tentu gurunya harus siap dan menguasai empat kemahiran di atas. Kalau tidak proses pembelajaran tidak akan komunikatif dan interaktif. Kerana dalam menyampaikan pantun madihin disertai memukul terbang itu, pantun harus disampaikan secara spontan dan menyambung terus sampai tema atau sesuatu yang ingin disampaikan habis. Hal ini sangat berkaitan dengan kejayaan fungsi hiburan sehingga pelajar tidak bosan dan merasa contoh yang diberikan sangat monoton dan terkesan membaca.

Seperti pernah dikatakan Ghany (1999: 9) dan Rafiek (2000a) bahawa pembuat pantun madihin haruslah (a) orang yang suka humor dan keindahan, (b) orang yang boleh menguasai dan menggunakan pilihan kata (diksi) secara tepat, (c) orang yang mempunyai kreativiti dan daya imaginatif dalam mengolah kata atau bahasa ke dalam suatu idea yang konkrit, (d) orang yang mengetahui struktur dan ciri umum seputar penulisan pantun sehingga boleh membuat sendiri kreasinya sesuai tema yang dikehendaki. Berdasarkan keempat syarat di atas dapatlah dilihat bahawa kemampuan kreativiti seseorang penulis pantun madihin sangat berpengaruh pada hasil pantun buatannya nanti.

Rafiek (2000b: 4; 2001) menyatakan bahawa untuk membangunkan dan membina pamadihinan diperlukan daya pendorong terbentuknya jiwa pamadihinan, iaitu dengan adanya kemahuan keras untuk belajar dan berlatih sejak awal membuat pantun madihin, memperdalam wawasan tentang perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi dengan banyak membaca sehingga penguasaan kosa kata terus bertambah. Di samping itu, dituntut juga penguasaan mengolah kata dan kalimat yang unik.

STRATEGI PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN MADIHIN

Pembangunan dan pembinaan madihin Banjar memang sudah sejak lama didengungkan untuk menjaga dan memelihara kewujudannya. Salah satu strategi yang dapat dilaksanakan adalah dengan mengajarkan pantun madihin tersebut di sekolah. Hal itu kini mulai terlaksana dengan diajarkannya muatan tempatan bahasa dan sastera Banjar mulai sekolah rendah hingga sekolah menengah yang di dalamnya juga diajarkan pantun madihin. Khusus mengenai pembelajaran pantun madihin sebagai muatan tempatan di Kalimantan Selatan, Rafiek (2000C) mencadangkan bahawa pembelajaran pantun madihin itu boleh diajarkan dengan pemberian teori disertai amalan sekaligus. Hal ini dimaksudkan agar pelajar langsung dapat mempraktikkan contoh-contoh yang diberikan guru kemudian diikuti dengan berlatih membuat pantun itu dengan kreatif sendiri. Siswa boleh membuat pantun madihin dengan tema dan maksud apa saja tanpa perlu dibatasi dengan

tema tertentu sehingga pelajar boleh benar-benar kreatif mengekspresikan dirinya seluas-luasnya. Semua itu menurutnya boleh berlaku jika pemerintah daerah dan agensi berkaitan sudah membuat kurikulum muatan tempatan yang di dalamnya mengajarkan sastera Banjar pantun madihin. Di samping itu, buku ajar untuk pegangan guru dan pelajar telah pula disiapkan. Hal itu kemudian disusuli dengan pengadaan guru yang siap mengajar pantun madihin itu di sekolah. Guru tersebut boleh saja guru yang sedia ada dan mengajar muatan tempatan bahasa dan sastera Banjar di sekolah. Hanya saja mereka perlu ditatar lagi tentang pantun madihin dan cara menyajikannya. Hebat serta Taman Budaya Wilayah Kalsel sangat dominan dalam hal peningkatan kemampuan guru muatan tempatan dalam pembelajaran pantun madihin ini baik dengan bengkel, latihan, atau pun bengkel sastera (Workshop).

Pembelajaran muatan tempatan pantun madihin sekarang semakin dibantu dengan adanya sarana penyampai tradisi lisan ke masyarakat melalui TVRI Kalimantan Selatan dan RRI Nusantara III Banjarmasin. Meskipun tidak berterusan namun kadang-kadang peranan TVRI Kalimantan Selatan itu sekali-kali menayangkan persembahan madihin itu biasanya oleh Jhon Tralala dan anaknya. Pemasarakatan pantun Banjar memang telah diusahakan secara berterusan tiap minggu oleh TVRI Kalimantan Selatan melalui acara baturai pantun yang juga dipandu oleh Jhon Tralala. RRI Nusantara III pun tak ketinggalan peranannya dalam memasyarakatkan pantun madihin ini iaitu dengan acaranya pada setiap Jumaat malam dulu memperdengarkan alunan pantun madihin itu.

Memang pada kenyataannya pantun madihin dibawakan dengan pakaian adat Banjar baju *Taluk balanga* dan memakai ketopong dalam tradisi rasminya serta alat pukul terbang. Namun bagi pelajar cukuplah dengan membawakannya secara bergantian di depan kelas. Yang penting syarat pembuatan pantunnya dan alunan lagunya ketika membawakan tepat. Dengan adanya CD dan kaset madihin yang dijual dipasaran, guru dan pelajar boleh membeli dan mempelajarinya sendiri di rumah dan di sekolah sehingga tidak ada lagi kesulitan dalam membuat dan membacakan pantun madihin di kelas.

Bagaimana dengan pelajar yang berbahasa ibu bukan bahasa Banjar yang harus juga mengikuti dan mempelajari pantun madihin itu di kelas? Setakat ini berdasarkan hasil pemerhatian penyelidik di lapangan, bahawa pantun madihin moden yang sekarang sering digunakan orang dalam bermadihin adalah bahasa Indonesia yang di Banjarkan atau pun sebaliknya. Jadi, tidak ada kesulitan dalam memahami makna pantun madihin itu sendiri. Kalaupun ada kesulitan pemahaman makna kata, hal itu sekarang boleh di atasi dengan menggunakan Kamus Banjar-Indonesia oleh Hapip (2006) yang juga dijual luas di pasaran. Pemerintah Provinsi Kalimantan Selatan melalui Dinas Pariwisata, Seni, dan Budaya melalui unit pelaksana teknik Taman Budaya sering mengadakan festival madihin se Kalimantan Selatan untuk mencari dan menemukan calon generasi penerus pamadihinan. Strategi pengembangan dan pembinaan ini terasa sekali sangat membantu memasyarakatkan madihin di kalangan pelajar, mahasiswa, dan masyarakat umum.

Pembelajaran muatan tempatan sastera pantun madihin sangat penting dalam rangka mengajar dan menanamkan nilai-nilai moral atau nilai-nilai budaya daerah bagi pelajar. Dengan pembelajaran pantun madihin ini pelajar dididik untuk memiliki kepekaan dan penalarannya dalam membuat pantun madihin sesuai dengan daya imajinasinya. Hal ini tercermin pada isi pantun-pantun madihin yang mengandungi nilai persahabatan, keberanian, kasih sayang, kebersamaan, dan kekeluargaan, hormat dan patuh pada orang tua, serta nilai lain. Sebagai bahan muatan tempatan, pantun madihin ini mengandungi pendidikan moral yang membantu kefasihan kemahiran berbahasa, meningkatkan pengetahuan budaya, mengembangkan cipta, rasa, dan karsa. Dengan demikian, nantinya pelajar diharapkan mampu memahami dan menelaah nilai-nilai moral atau budaya dalam pantun madihin itu agar boleh diterapkan dalam kehidupan sehari-hari.

KESIMPULAN

Kajian ini mempunyai kesimpulan, iaitu ciri-ciri pantun madihin juga menyangkut syair. Struktur pementasan pantun madihin terdiri atas pembukaan, memasang *tabi*, menguran, dan penutup. Kreativi pemain madihin (pamadihinan) dalam membuat pantun secara cepat dan hafal di luar kepala serta mahir dalam memukul terbang (sejenis rebana) sangat diharapkan. Pembangunan dan pembinaan madihin di Kalimantan Selatan harus terus dilaksanakan terutama sejak masa usia kanak-kanak, baik secara *otodidak* mahupun lewat pembelajaran di sekolah.

Petua bagi para penyelidik ini agar meneliti teknik pembuatan atau penulisan pantun madihin dengan memanfaatkan kosa kata pelbagai bidang ilmu dengan menggunakan bahasa Indonesia sehingga pantun madihin itu bukan saja menjadi milik warga Kalimantan Selatan tetapi luas menjadi milik warga Indonesia sebagai salah satu kekayaan sastera lisan. Cadangan seterusnya adalah agar generasi muda mencintai dan memelihara khazanah sastera lisannya tidak terkecuali pantun madihin ini. Cadangan lain adalah agar penyelidik dan penulis seterusnya giat mendokumentasikan hasil-hasil karya pantun madihin daripada pelbagai sumber sejak dulu hingga sekarang. Implikasi kajian ini dalam pedagogi pengajaran guru adalah sebagai bahan masukan pengetahuan tentang ciri, struktur pementasan, dan cara membuat pantun secara cepat. Implikasi kajian ini bagi pembelajaran murid adalah sebagai bahan ajar muatan tempatan pantun madihin. Implikasi kajian ini dalam latihan guru adalah agar guru sentiasa berinovasi dalam pembelajaran sastera Melayu, khususnya berkaitan pantun madihin. Guru juga dicadangkan agar mengikuti kursus-kursus yang diadakan Taman Budaya tempatan untuk memperdalam strategi dan teknik pembelajaran pantun madihin di kelas.

RUJUKAN

- Ant/D. (2000). Seni tradisional Banjar berkembang di Tembilahan Riau. *Dekrit*, No.28, Tahun I, Agustus. Hal. 4.
- Ant/Si. (2000). Seni khas suku Banjar Madihin di ambang kepunahan. *Dekrit*, No.28, Tahun I, Agustus. Hal. 4.
- Ary, D., Jacobs, L.C & Razavieh, A. (1985). *Introduction to research in education*. 3rd Edition. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Badudu, J.S. (1984). *Sari kesusasteraan Indonesia*. Bandung: PT Pustaka Prima.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (1998). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Bondan, Amir Hasan Kiai. (1953). *Suluh sejarah Kalimantan*. Banjarmasin: PT Fadjar.
- Danandjaja, J. (1984). *Folklore Indonesia: Ilmu gosip, dongeng, dan lain-lain*. Jakarta: PT Grafiti Pers.
- Fatimah Abdullah. (2009). Pantun sebagai perakam norma: Penelitian awal terhadap perkahwinan dan keluarga Melayu. *Jurnal Melayu*, (4): 43-57.
- Ghany, Markum Suriansyah. (1999). Humor dalam pantun madihin. *Wanyi*, Edisi 13-Tahun I, 1 Oktober 1999.
- Hapip, Abdul Djebar Hapip. (2006). *Kamus Banjar-Indonesia*. Banjarmasin: PT Grafika Wangi Kalimantan.
- Ismail, Abdurachman. (2000). Peran seni madihin dalam harapan dan wujud nyata. Makalah disajikan dalam Seminar dan Pertunjukkan Seni Tradisional Banjar, Madihin di Aula I FKIP UNLAM Banjarmasin, Sabtu, 3 Juni 2000.
- Kawi, Djantera, Jarkasi & Kusasi, Zakiah Agus. (1994). *Sastra lisan madihin*. Banjarmasin: Projek Pembinaan Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah Kalimantan Selatan.
- Liaw Yock Fang. (1993). *Sejarah kesusasteraan Melayu klasik 2*. Jakarta: PT Erlangga.
- Mahmud, Saifuddin et al. (2000). *Struktur sastra lisan Simeulue*. Jakarta: PT Pusat Bahasa.

- Normaliza Abd Rahim, Arbaie Sujud, Nik Rafidah Nik Afendi & Siti Nur Aliaa Roslan. (2012). A perspective of Malay quatrain in media technology. *The Public Administration and Social Policies Review*, 1 (8): 40-49.
- Rafiek, Muhammad. (2000a). Aspek humor dalam pantun madihin. Makalah disajikan dalam Seminar dan Pertunjukkan Seni Tradisional Banjar, Madihin di Aula I FKIP UNLAM Banjarmasin, Sabtu, 3 Juni 2000.
- Rafiek, Muhammad. (2000b). Membentuk generasi pamadihinan Kalimantan Selatan. Makalah disajikan dalam kongres Forkomnas XIII di Banguntapan, Yogyakarta, Oktober 2000.
- Rafiek, Muhammad. (2000c). Pembelajaran pantun madihin: Sebuah tawaran realistis. Makalah disampaikan pada kegiatan Bulan Bahasa HIMBSI PBSID FKIP UNLAM di SMUN 1 Barabai Hulu Sungai Tengah, November 2000.
- Rafiek, Muhammad. (2001). Membentuk generasi pamadihinan Kalimantan Selatan. Makalah disajikan pada Seminar Bahasa dan Sastra Indonesia, Oktober 2001.
- Rafiek, Muhammad. (2002). *Pantun madihin: Salah satu ragam sastra lisan Banjar*. Banjarmasin: PPS PBSID FKIP UNLAM.
- Sastrowardoyo, Subagyo et al. (Pnyt.). (1983). *Bunga rampai sastra-sastra Asean: Sastra lisan Indonesia*. The Asean Committee on Culture and Information.
- Shaiful Bahri Md. Radzi, Hanapi Dollah, Solehah Ishak, Mohamad Rodzi Abd. Razak & Mohamed Fadzeli Jaafar. (2004). Pengaruh Melayu dalam Pantun Mah Meri. *Jurnal Melayu*, 1: 155-178.
- Shipley, J.T et al. (1962). *Dictionary of world literature*. Catterson, NJ: Littlefield, Adams & Co.
- Thabah. (1999). Madihin bagian 2: Pergelaran kesenian madihin. *Wanyi*, Edisi 11-Tahun I, 1 September 1999.
- Thompson, L.C. (1979). *Control in salish grammar*. Honolulu: University of Hawaii.
- Toelken, B. (1979). *The dynamics of folklore*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Usman, Zuber. 1963. *Kesusasteraan lama Indonesia*. Jakarta: PT Gunung Agung.
- Wiana, Desri. (2010). Analisis tema pada pantun Melayu: Suatu kajian fungsional linguistik. *Jurnal Ilmiah Abdi Ilmu*, 3 (2): 111-120.
- Yusuf, Suhendra. (1995). *Leksikon sastra*. Bandung: PT Mandar Maju.
- Zaidan, Abdul Rozak et al. (2000). *Kamus istilah sastra*. Jakarta: PT Balai Pustaka.